

29 MAR 2001

Ong-Perumahan

K'JAAN BERHARAP UNTUK SELESAIKAN MASALAH SETINGGAN DALAM LIMA TAHUN

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Kerajaan berharap untuk menyelesaikan masalah perumahan setinggalan di seluruh negara dalam tempoh lima tahun lagi, kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Ong Ka Ting hari ini.

Bagaimanapun Ong berkata anggaran 230,000 rumah kos rendah akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Kelapan. Pada masa ini terdapat 100,000 setinggalan di negara ini.

Di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh, 190,000 unit rumah dibina untuk penempatan semula setinggalan tetapi jumlahnya tidak mencukupi kerana banyak daripada unit itu diperuntukkan kepada golongan berpendapatan rendah yang bukan setinggalan.

"Sesetengah daripada projek kos rendah juga tidak di kawasan strategik dan jauh dari bandar raya dan ini menyebabkan mereka kurang berminat (untuk membeli unit berkenaan)," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sijil kepada 15 pelajar yang menamatkan kursus kewartawanan selama dua tahun dalam bahasa Mandarin.

Ong juga berkata bancian yang dijalankan oleh Universiti Sains Malaysia dan University Kebangsaan Malaysia tahun lepas mendapati bahawa terdapat lebih 120,000 setinggalan di negara ini.

Sementara itu, menteri itu menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan kerajaan negeri Selangor untuk berikrar bahawa mereka akan menyelesaikan masalah kira-kira 10,000 setinggalan di Selangor dan kira-kira 25,000 setinggalan di Kuala Lumpur.

Katanya kerajaan perlu memberi tumpuan serius terhadap membasmi kemiskinan di bandar raya, menyediakan lebih banyak kemudahan sosial, memberikan kuasa kepada agensi penguatkuasa untuk menangani kemunculan penempatan setinggalan baru dan untuk menyelesaikan masalah banjir yang kerap berlaku di bandar raya ini menerusi Pelan Induk Urbanisasi.

Mengenai kelonggaran peraturan pelabur asing untuk membeli hartanah berharga tinggi di Malaysia, Ong berkata ia dibenarkan bagi menangani kesan kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat.

Beliau berkata kementeriannya sedang dalam proses melonggarkan peraturan Jawatankuasa Pelaburan Asing bagi memudahkan pemilikan hartanah oleh orang asing sebagai satu langkah untuk menghalang pasaran hartanah daripada tergantung.

Dengan serangan hebat kelembapan ekonomi di Amerika Syarikat, kesan yang dijangkakan adalah lebih teruk daripada yang diramalkan, pasaran hartanah akan menjadi yang pertama diserang jika berlaku kemelesetan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan pada Rabu satu pakej langkah awal yang dijangka akan memacu pertumbuhan ekonomi utama kerana eksport ke Amerika Syarikat menyumbang 25 peratus daripada keseluruhan eksport asing negara ini.

-- BERNAMA

AN ZS RHM